

# 'Kualiti minyak sawit Indonesia tidak setanding Malaysia'

**Indonesia** tidak mampu membekalkan minyak sawit kepada India jika negara itu menghentikan pembelian daripada Malaysia.

Pegawai kanan industri minyak kelapa sawit Indonesia yang enggan dikenali berkata, pengeluaran bekalan minyak sawit republik itu ketika ini lebih tinggi berbanding Malaysia, tetapi kualitinya tidak setaraf dengan Malaysia.

"Memang lebih banyak pengeluaran kami tetapi perlu diingat 40 peratus bekalan minyak sawit Indonesia adalah daripada pekebun kecil, tidak seperti di Malaysia yang mempunyai sistem tersendiri dalam menjaga kualitinya.

"Pekebun kecil di Indonesia tidak menumpukan kepada kualiti, tanpa bantuan pihak berwajib dan ia sedikit sebanyak men-



**POA jangka harga MSM akan berada di bawah tekanan pada November dan Disember ini.**

**Sathia Varqa,**  
Pengasas Bersama POA

jejaskan bekalan minyak sawit mentah di sana.

"Jika India menghentikan pembelian minyak sawit dari Malaysia, Indonesia berkemungkinan besar terpaksa membeli bekalan itu daripada Malaysia. Ini kerana, Indonesia tidak bergantung sepenuhnya kepada pasaran eksport kerana jumlah penggunaan tempatan juga tinggi," katanya ketika menghadiri Persidangan Tinjauan Bekalan dan Permintaan Sawit (POSDOC) pertama di Bangi, semalam.

Sementara itu, Pengasas Bersama Palm Oil Analytics (POA), Dr Sathia Varqa, berkata tekanan oleh India yang berhasrat menghentikan pembelian minyak sawit dari Malaysia akan memberi kesan kepada tinjauan harga komoditi itu tahun ini.

Beliau berkata, tindakan itu akan menjadikan harga minyak sawit mentah Malaysia (MSM) menyusut bagi November dan Disember.

Sehubungan itu, beliau menetapkan sokongan harga MSM pada RM2,000 satu tan dengan harga rintangan pada RM2,200 satu tan.

"Perkara ini tidak dapat dipastikan secara rasmi tetapi POA menjangkakan harga MSM akan berada di bawah tekanan pada November dan Disember ini.

"Eksport dijangkakan akan rendah manakala pengeluaran dijangkakan meningkat. Pembeli India akan menahan pembelian dari Malaysia. Namun perkara ini disifatkan sebagai sementara dan dijangka akan berubah pada separuh pertama 2020," katanya.